

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (14)
Tarikh : 6 April 2016

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "ENAM
SEKELUARGA IKAT PERUT" BERTARIKH 1 APRIL 2016, JUMAAT – M.S: 47
(PONTIAN)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Masitah binti Sawal berkenaan cucu beliau, Mohd Syazwan Abdullah yang tiada sebarang dokumen pengenalan diri.

3 Hasil semakan mendapati JPN tidak pernah menerima sebarang permohonan pendaftaran dokumen pengenalan diri Mohd Syazwan Abdullah. Sehubungan dengan itu, JPN telah memberikan satu (1) set borang Pendaftaran Lewat Kelahiran untuk dilengkapkan. Borang Pendaftaran Lewat Kelahiran yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan perlulah dikemukakan di mana – mana cawangan JPN yang berdekatan bagi membolehkan permohonan tersebut diproses seterusnya dikeluarkan Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran berdasarkan peraturan yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)